

Dalang hasut ketua cawangan perlu faham perlembagaan Umno, kata Zahid
Malaysian Insider
Nov 23, 2015

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata tindakan beberapa cawangan Umno yang mendesak presiden Umno meletak jawatan, didalangi pihak tertentu yang mempergunakan ketua cawangan terbabit.

Naib presiden Umno itu berkata mereka terbabit perlu faham Umno mempunyai sistem, peraturan, tatacara dan juga perlembagaan yang menentukan kaedah pemilihan untuk menentukan kepimpinan di peringkat nasional, bahagian dan cawangan.

"Saya tidak berhasrat untuk menghentak hati pihak tertentu tetapi Umno hidup dan terus relevan dengan mengikuti tatacara dan peraturan sedia ada," katanya kepada pemberita selepas Forum Ekonomi Peringkat Tinggi Malaysia-China hari ini.

Timbalan perdana menteri itu ditanya mengenai seramai 34 ketua Cawangan Umno dari 5 negeri mendesak secara terbuka agar Datuk Seri Najib Razak meletak jawatannya sebagai presiden Umno.

"Seramai 34 orang daripada 21,000 (ketua cawangan), fikir sendirilah tergugat atau tidak (dengan desakan itu)," kata Zahid.

Zahid turut menasihatkan dalang berkenaan supaya mematuhi sistem, peraturan dan tatacara yang termaktub dalam perlembagaan Umno.

"Ini bukan satu tuduhan (terdapatnya dalang) tetapi saya sebagai seorang daripada naib presiden Umno mencium bau dalang yang mencampuri soal ini dan menggunakan ketua cawangan ini untuk melakukan desakan.

"Tatacara itu harus dihormati bukan dengan kaedah yang digunakan dalang berkenaan.

"Saya fikir eloklah dalang berkenaan sama ada yang nampak atau tidak nampak, mengikuti peraturan dan perundangan sedia ada," kata Zahid. – Bernama, 23 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dalang-hasut-ketua-cawangan-perlu-faham-perlembagaan-umno-kata-zahid>